



KENYATAAN MEDIA

AADK MEMANDANG SERIUS DAN TINDAKAN TEGAS TERHADAP INSIDEN KEMATIAN KLIEN DI PUSPEN BATU KURAU

28 NOVEMBER 2025

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengambil maklum hasil siasatan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) berhubung kes kematian klien di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Batu Kurau, Perak pada 14 Mac 2025.

AADK ingin menegaskan bahawa agensi ini memandang serius perkara tersebut dan tidak berkompromi terhadap sebarang bentuk kecuaiian yang melibatkan kebajikan dan keselamatan klien. Sehubungan itu, tindakan tatatertib telah diambil terhadap pegawai dan kakitangan yang terlibat, selaras dengan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) dan prosedur operasi standard (SOP) AADK.

Agensi juga komited untuk melaksanakan cadangan penambahbaikan yang disyorkan EAIC, termasuk:

- i. Pemerkasaan prosedur kemasukan dan pengurusan kesihatan klien. AADK telah menambah baik PTKP bagi memastikan pengurusan kesihatan klien lebih menyeluruh dan berkesan.
- ii. Naziran menyeluruh di semua PUSPEN dengan mengadakan pemeriksaan dan pemantauan dalaman bagi memastikan pematuhan terhadap semua prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan sedia ada.

- iii. Latihan penyegaran kepada kakitangan AADK juga telah dibuat secara berkala bagi memastikan tahap kompetensi pegawai sentiasa berada pada tahap tinggi.

Sehubungan itu, AADK sentiasa mengingatkan kepada semua kakitangan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi mematuhi SOP serta garis panduan berdasarkan PTKP.

AADK komited untuk terus menjalin kerjasama erat dengan EAIC dalam usaha memperkukuh tadbir urus yang baik di peringkat agensi, khususnya melibatkan aspek siasatan terhadap sebarang aduan salah laku dan isu integriti dalam kalangan warga AADK.

#TAMAT#



**DATO' RUSLIN BIN JUSOH
KETUA PENGARAH
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN**